

10/08/1999

Rupa bukan syarat jadi jururawat

Norazmi Talib; Rahman Hashim

MELAKA, Isnin - Kerajaan tidak akan meminggirkan wanita kurang cantik untuk dijadikan jururawat di semua hospitalnya di seluruh negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, adalah tidak adil jika wanita yang cantik saja diambil sebagai jururawat kerana rupa paras seseorang itu adalah kurniaan Tuhan.

Sejak ratusan tahun dulu, katanya, termasuk ketika zaman Nabi Muhammad, tugas merawat pesakit dilakukan oleh wanita. Ini kerana sudah semula jadi wanita yang lembut dan bertimbang rasa sehingga dapat meringankan beban pesakit.

"Kerajaan tak ambil kira sangat cantik atau tak cantik, semua kita terima dan tak patutlah orang tak cantik tak boleh jadi jururawat.

"Orang sakit juga tak ada masa nak tengok seseorang itu cantik atau tidak kerana mata mereka nampak `kelabu' saja," katanya ketika merasmikan bangunan baru Hospital Melaka berharga RM85.7 juta di sini, petang ini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin; Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng dan timbalannya, Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

Sebelum ini, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat, pernah berkata kerajaan negeri itu akan mengutamakan wanita kurang cantik untuk diambil bekerja.

Bagaimanapun, ketika berceramah di Sungai Petai, Alor Gajah, bulan lalu, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor menegaskan, Kerajaan Pas di Kelantan tetap mengutamakan kelayakan seseorang untuk diambil bekerja.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan dua hari ke negeri ini berkata, profesion jururawat hendaklah diteruskan dan diisi oleh rakyat tempatan sendiri.

Beliau tidak mahu jururawat asing terpaksa digunakan untuk menampung kekosongan yang ada.

Perdana Menteri juga menjelaskan, kerajaan akan memastikan semua hospital di negara ini dibekalkan dengan peralatan serba canggih untuk kemudahan orang ramai.

Walaupun harganya agak mahal, kerajaan bersedia membekalkannya kerana ia penting untuk kesihatan rakyat.

"Bagaimanapun, untuk mengendalikan peralatan canggih, negara memerlukan juruteknik dan doktor yang berkebolehan. Saya yakin latihan yang diberikan sekarang dapat membantu doktor menguasai peralatan itu dengan sempurna," katanya.

Beliau turut mengakui hakikat gaji doktor kerajaan lebih rendah berbanding rakan mereka di hospital swasta.

"Saya akui kerajaan tidak membayar gaji berpatutan kepada doktor tetapi kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa. Saya sendiri juga berhenti dulu kerana dibayar gaji rendah dan buka klinik sendiri.

"Bagaimanapun, masih ramai lagi doktor yang setia berkhidmat dengan kerajaan dan ada antara mereka memohon untuk menyambung tugas dengan kerajaan walaupun selepas bersara," katanya.

(END)